

IKLAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan oleh Parlimen melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 adalah merupakan sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang dipertanggungjawabkan untuk memupuk kesedaran dan mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1. Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1**
 - **BAHAGIAN PENERBITAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT**
- Tanggagaji : RM1,500.00 dan elaun tambahan sebanyak RM765.00 sebulan
- Taraf Jawatan : Tetap dan Tidak Berpencen (Caruman KWSP)
- Bertempat di : Ibu Pejabat Kuala Lumpur
- Kelayakan :
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - iii. Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - iv. Kepujian Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Kekosongan : 1 Kekosongan Jawatan
- Tanggungjawab : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1 akan bertanggungjawab, antara lain seperti berikut:

- i. Bertanggungjawab membantu bahagian dalam kerja – kerja operasi pentadbiran, penerbitan dan penyuntingan.
- ii. Bertanggungjawab membantu proses pengurusan artikel dan dokumen, termasuk urusan penerimaan, semakan dan cetakan bahan berkenaan.
- iii. Bertanggungjawab membantu pengendalian pengurusan rekod, pengemaskinian stok dan pengedaran bahan.
- iv. Berkemahiran dalam tugas mereka bentuk grafik merupakan satu kelebihan.
- v. Menjalankan tugas – tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian mahupun Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Cara Memohon

Calon-calon yang berminat adalah diminta untuk mengemukakan surat permohonan yang lengkap seperti berikut:

- i. Surat rasmi permohonan/iringan;
- ii. Resume yang lengkap mengandungi butiran seperti maklumat peribadi, kelayakan dan pengalaman;
- iii. Sijil dan transkrip akademik (salinan yang disahkan);
- iv. Kad pengenalan (salinan yang disahkan);
- v. Gambar berukuran pasport (tidak akan dikembalikan); dan
- vi. Satu (1) surat rujukan daripada majikan semasa (jika ada).

Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan sebelum atau pada **12 Februari 2026 (Khamis)** kepada:

**Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
Aras 17, Menara Aras Raya,
11, Jalan Raja Laut, 50100 Kuala Lumpur.
(Untuk Perhatian: Bahagian Sumber Manusia)**

atau e-mel kepada:

jawatankosong@suhakam.org.my

Hanya calon yang berjaya disenarai pendek sahaja yang akan dihubungi. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian 03-2612 5600/5607/5712.